

MENGENALPASTI POTENSI BISNES CENDAWAN MENGIKUT KEMAMPUAN ANDA

Nukilan:
Anas Azmi



Tajaan:



“ Bagi semua yang tidak membandingkan diri dengan orang lain,
tetapi hanya membanding dengan dirinya yang dahulu. “

Siri ini diterbitkan oleh:



Setiap eBook disertakan dengan:



(*** Tidak termasuk untuk ebook PERCUMA ini)

Salam / Hi semua, saya Anas dari CoolLat.com. Terima kasih kerana subscribe dan download ebook ini. Saya harap ia memberi manfaat kepada anda :)

Pada yang subscribe, anda akan mendapat ebook ini beserta dengan emel coaching tajuk ini bersama saya yang akan dihantar setiap hari terus ke emel yang anda masukkan tadi. Coaching ini akan membantu anda terus mempraktikkan apa yang ada di dalam buku ini dan anda akan dapat mengira potensi bisnes cendawan ini tepat mengikut kemampuan anda.



Sekiranya anda tidak subscribe dan mendapat ebook ini secara tidak sengaja dari orang lain. Mohon anda subscribe dengan klik button di bawah ini untuk anda juga mendapat emel coaching di atas. Ianya PERCUMA sahaja. Klik button di bawah ini:



ISI KANDUNGAN

POTENSI PERNIAGAAN CENDAWAN TIRAM KELABU	2
Permintaan Tinggi.....	3
Pelbagai Harga Jualan	4
Pelbagai Produk.....	5
Jualan Bongkah.....	7
ADAKAH ANDA BOLEH BERJAYA DALAM BISNES INI?	12
Berapa Modal Anda?	14
Berapa Masa yang Anda akan Luangkan?.....	16
Berapa Besarkah Ruang yang Anda Ada?	19
Lakukan Sendiri atau Gajikan Pekerja?	23
UNJURAN KEWANGAN TAHUNAN ANDA	25
Kategori Anda	27
Unjuran Pengeluaran Minima (140g / bongkah)	31
Unjuran Pengeluaran Sasaran (180g / bongkah)	36
Unjuran Pengeluaran Maksima (200g / bongkah)	39
Kesimpulan Anggaran Keuntungan.....	42
BERMINAT? INI LANGKAH PERMULAAN ANDA	44
Mula dengan Menyertai Kursus.....	44
Join Komuniti Online	46
Mula Secara Kecil Selama Semusim.....	46

BAB 1:

POTENSI BISNES CENDAWAN

- *Permintaan Tinggi*
- *Pelbagai Harga Jualan*
- *Pelbagai Produk*
- *Jualan Bongkah*



POTENSI PERNIAGAAN CENDAWAN TIRAM KELABU

Selamat datang semua. Bagi memulakan perkongsian kita, saya akan terangkan terlebih dahulu pendahuluan mengenai Cendawan Tiram Kelabu dan juga perusahaan pertanian cendawan ini bagi memudahkan anda memahaminya.



Cendawan Tiram Kelabu atau nama saintifiknya *Pleurotus Sajur-Caju* ini popular di dalam menu makanan kita. Antara masakan popular menggunakannya adalah cendawan goreng, sup cendawan, claypot, tomyam dan lain-lain.

Ia adalah spesies cendawan yang disarankan ditanam oleh Jabatan Pertanian Malaysia kerana ianya sesuai dengan musim, iklim dan pasaran dalam negara kita.

Buku ini akan banyak membincangkan apakah potensi keuntungan bagi anda spesifiknya supaya anda boleh terus membuat keputusan samada hendak menceburi bidang ini ataupun tidak.

PERMINTAAN TINGGI

Dari segi ekonomi dan potensinya, kegunaan cendawan ini di dalam masakan-masakan harga premium menjadikannya mudah dijual dan permintaan yang sentiasa tinggi.

Antara lubuk jualan bagi cendawan tiram kelabu segar adalah di:

- Pasar tani
- Gerai makanan bergoreng / celup tepung
- Restoran makanan vegan
- Restoran masakan siam (tomyam)
- Pasaraya
- Ekspo pertanian
- Komuniti kejiranan
- Kantin / dewan makan

Pengalaman saya menunjukkan yang kebiasaannya, bekalan tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan pasaran. Oleh sebab yang demikian, kebanyakan pengusaha cendawan tidak kisah akan pertambahan pengusaha-pengusaha baru kerana ia tidak mengganggu permintaan terdekat mereka yang sedia ada besar dan secara tak langsung, pengusaha lain juga akan membantu berkempen kebaikan produk segar ini.

Jadi sekiranya anda orang baru, anda tak perlu risau akan lambakan produk tidak terjual kerana ramai yang akan mendekati anda untuk membeli. Dan setelah lengkap database pelanggan anda, dengan hanya memenuhi permintaan mereka ini anda sudah menjadi selesa mengaut keuntungan stabil bulanan.

PELBAGAI HARGA JUALAN

Pengiraan bagi keuntungan berbanding kos menceburi bidang ini agak berlainan bagi negeri-negeri. Ada yang tinggi ada yang rendah. Ia berbeza kerana:

1. Perbezaan harga bahan mentah mengikut sumber negeri dan juga kos lojistik.
2. Jumlah pengusaha juga mempengaruhi dari segi berapa banyak produk segar ini di pasaran. Sekiranya terlalu padat pasaran, harga kebiasaannya sedikit rendah.
3. Ada juga pengusaha yang menghasilkan cendawan segar mengikut gred dan saiz.

Berikut adalah contoh harga jualan cendawan tiram kelabu segar menurut negeri. Harga ini mungkin berubah mengikut musim dan juga kemasukan import semasa:

- Pulau Pinang: RM12/kg
- Pahang: RM16/kg
- Kelantan: RM8/kg

Sungguhpun nampak sangat menguntungkan untuk berada di Pahang contohnya, ia tidak semestinya begitu. Ini kerana kos mendapatkan habuk di sana agak mahal berbanding negeri lain. Dan kebanyakan pengusaha di negeri ini mendapatkan habuk kayu dari luar negeri. Ini mengakibatkan kos menjadi tinggi.

Bagaimana pula dengan strategi menanam di Kelantan dan jual di Pahang sebagai contoh? Ia tidak semudah yang disangkakan. Sungguhpun harga nampak bagaikan lebih lumayan, tetapi kos lojistik dan juga kesegaran produk akan menjadi lebih sukar untuk dikawal. Ia

tidak mustahil, tapi agak sukar bagi beginner untuk menggunakan strategi ini.

PELBAGAI PRODUK

Selain menjual secara segar, ada juga pengusaha yang fokus dalam pembikinan produk. Kebanyakan pengusaha ini adalah pengusaha kecil dan tidak menghasilkan bongkah sendiri. Dengan mengeluarkan produk, kita dapat menghasilkan lebih margin keuntungan sungguhpun dengan pengeluaran cendawan segar yang sama.

Berikut adalah contoh produk makanan berasaskan cendawan tiram kelabu:

Nasi Cendawan



Cendawan Goreng



Sup Cendawan



Sos Cendawan



Kerabu Cendawan



Roti Sardin Cendawan

Ia tidak mudah. Tetapi juga tidak mustahil. Bahkan pembikinan produk ini sangat meluas melebihi jangkauan produk makanan semata-mata. Rujuk gambarajah di bawah ini:



Luaskan bidang ini? Jadi harulah difahami di sini, sungguhpun kebanyakan pengusaha fokus pada pengeluaran produk segar, produk yang berasaskan cendawan mempunyai lebih banyak lagi varieti dan juga potensi keuntungan lain.

Sekiranya anda baru saja menceburi, saya cadangkan jangan terjun lagi membuat terlalu banyak produk. Kerana proses pengeluaran produk mempunyai cabarannya sendiri yang anda mungkin atau tidak dapat mengawalinya. Bagus anda fokus pada pengeluaran produk segar pada permulaan.

JUALAN BONGKAH

Cendawan tiram kelabu ditanam di dalam bongkah seperti gambar di bawah. Kandungan bongkah ini termasuklah habuk kayu, dedak, kapur dan benih cendawan. Anda akan menggunakan kaedah penanaman ini juga setelah anda bermula nanti. Cara ini paling kos efektif dan mudah untuk diselenggara.



Gambaran bagaimana cendawan tiram kelabu mengeluarkan hasil dari bongkah. Bongkah disusun baring bagi memudahkan susunan dan juga memudahkan cendawan keluar.



Contoh bongkah cendawan tiram kelabu. Yang di kiri adalah yang hampir matang (sudah menghampiri waktu untuk dibuka penutupnya dan dituai hasilnya). Yang di kanan adalah yang separa matang.

Cara pembikinan bongkah ini kebiasaannya akan diterangkan secara mendalam di kursus-kursus asas penanaman cendawan ini. Bagi tujuan matlamat buku ini, kita hanya akan menyentuh sedikit bab penghasilan bongkah ini. Di bawah adalah proses penghasilan bongkah:

Campurkan



Siram



Uji Kelembapan



4



Gaulkan

5



Masuk Plastik

6



Mampatkan

Seperti yang ditunjukkan, pembikinan bongkah adalah agak kompleks dan kos intensif. Kebanyakan peserta baru tidak akan menghasilkan bongkah sendiri kerana ia memerlukan kos awal yang tinggi. Adalah disyorkan sekiranya anda baru ingin bermula untuk anda membeli dahulu bongkah daripada pengendali kursus penanaman cendawan. Harga bongkah di dalam RM1.50 sehingga RM5 sebongkah. Semakin tinggi harga belian bongkah, semakin kecil nilai keuntungan anda nanti.

Tetapi bagi permulaan, diharapkan anda tidak terlalu menekankan harga bongkah kerana apa yang lebih penting adalah anda mengalami dahulu perjalanan perusahaan cendawan ini selama semusim (3-6 bulan mengikut bongkah yang dibeli). Pengalaman musim pertama sangatlah penting dan akan memberi anda keyakinan untuk mengembangkan perniagaan kelak.

Dinasihatkan juga anda tidak terus shopping di dalam internet untuk membeli bongkah. Ada beberapa sebab kenapa ia tidak sesuai, kerana ada penjual bongkah di internet yang:

- Hanyalah agen kepada penghasil bongkah, jadi mereka menetapkan harga lebih tinggi dari sepatutnya.
- Kebanyakan penjual bongkah di internet ini sendiri tidak menanam cendawan. Sekiranya ini terjadi, mereka tidak mampu membantu anda sekiranya bongkah yang dikirim nanti tidak elok. Kemungkinan untuk anda rugi agak tinggi.
- Terlalu bermain harga sehingga mengendahkan kualiti. Hati-hati juga sekiranya harga terlalu rendah, anda juga mungkin boleh ditipu.

Tetapi bagi pengusaha yang boleh menghasilkan bongkah sendiri, mereka mendapatkan kos per bongkah terbaik. Jadi setiap penghasilan produk segar mereka mungkin membawa margin keuntungan yang lebih tinggi. Kebanyakan pengusaha dapat menghasilkan bongkah pada harga purata RM1 sebongkah. Bagus kan? Tetapi ini adil kerana mereka telah meletakkan modal besar bagi pembelian mesin, pembinaan fasiliti dan perolehan kesemua bahan mentah.

Sekiranya anda sudah established, penjualan bongkah juga boleh menjadi pendapatan utama anda kerana ianya cepat mendapat pulangan. Anda tidak perlu menunggu habis musim untuk mengira keuntungan. Setelah siap sahaja proses eraman atau separuh matang, bongkah sudah boleh dijual pada harga purata RM1.80 sehingga RM2.50 sebongkah.

BAB 2:

ANDA BOLEH BERJAYA?

- *Berapa Modal Anda?*
- *Jumlah Masa Terluang?*
- *Ruang yang Ada?*
- *Lakukan Sendiri?*



ADAKAH ANDA BOLEH BERJAYA DALAM BISNES INI?

Berdasarkan pengalaman, saya dapati sebab mengapa ada penanam baru yang menceburi penanaman cendawan tiram kelabu kemudiannya tidak berjaya meneruskan selepas musim pertama atau tahun pertama. Ada beberapa faktor utama:

- **Ditipu** scammer / skim cepat kaya / pengendali kursus yang menjanjikan bulan bintang
- **Pengeluaran cendawan terlalu sedikit** disebabkan tidak mahir, penyakit atau pilihan tempat yang tidak sesuai
- **Lambakan produk segar tak terjual** disebabkan perancangan tidak mengikut permintaan sebenar

Ketiga-tiga faktor kegagalan di atas kebiasaannya akan diterangkan di dalam kursus asas penanaman cendawan. Tetapi bagi buku ini, kita hanya akan fokus samada anda patut ceburi sekarang dan berapa keuntungan sesuai dengan pelaburan anda. Saya cadangkan semua yang berminat menceburi bidang ini menghadiri sekurang-kurangnya satu kursus asas penanaman cendawan ye.

Persoalan utama buku ini: adakah anda boleh berjaya iaitu mewujudkan keuntungan bersih sekiranya anda menceburi bisnes perusahaan penanaman cendawan tiram kelabu ini?

Setiap orang adalah berbeza. Tiada satu cadangan yang sesuai untuk semua orang. Satu nasihat untuk orang A, berkemungkinan tidak bagus untuk orang B. Contoh sekiranya dicadangkan orang A bermula

menanam cendawan dengan modal RM20k, mungkin baik sekiranya beliau mempunyai modal sebanyak itu dan risiko itu boleh dikawalinya. Sekiranya saya cadangkan yang sama pada orang B yang tiada modal, perlukah sehingga beliau perlu memohon pinjaman untuk bermula? Faham kan?

Baik bagi memudahkan pemahaman dan supaya anda terus boleh ketahui risiko dan potensi yang sesuai untuk anda, nilaikan diri anda mengikut kriteria di bawah ini:

1. Berapakah modal anda?
2. Berapa masa yang sanggup anda luangkan untuk bisnes ini?
3. Berapa luaskah ruang yang anda ada sekarang ini?
4. Anda ingin lakukan sendiri atau akan gajikan pekerja?

BERAPA MODAL ANDA?

Sebelum menjawab soalan ini diharapkan anda faham apa maksud di sebalik soalan ini. Kami kerap kali ditanya oleh para peserta kursus yang mereka ada sejumlah duit untuk 100% dilaburkan pada bisnes ini. Bagus bunyinya.

Tetapi bisnes adalah pelaburan yang berisiko tinggi. Ada kemungkinan anda mendapat pulangan yang sangat besar. Ada kalanya modal hilang entah ke mana. Jadi sekiranya simpanan anda RM10,000, adalah tidak bijak sekiranya dilaburkan kesemuanya pada bisnes kan?

Setiap orang mempunyai tahap risiko yang mampu ditanggung yang berlainan. Semakin tinggi umur kita, semakin kita perlu melaburkan pada pelaburan yang lebih selamat. Kiraan mudah adalah seperti berikut:

3 Simpanan yang perlu kita ada. Yang teratas mestilah diselesaikan terlebih dahulu dan bakinya boleh dibawa ke peringkat seterusnya ke bawah:

1. Simpanan kecemasan sebanyak sekurang-kurangnya 3 bulan perbelanjaan.
2. Pelaburan risiko rendah dengan kiraan baki selepas ditolak di atas ini didarabkan dengan umur kita x 100%.
3. Baki sekiranya ada dari atas ini, boleh diletakkan ke dalam pelaburan risiko tinggi seperti bisnes.

Ini contoh kiraan bagi En Stan, berumur 35 tahun, dengan simpanan RM10,000 dan perbelanjaan bulanan RM2,000 sebulan:

1. RM6,000 diasingkan ke dalam akaun bank dan tidak diusik. En Stan hanya akan menggunakannya sekiranya terpaksa bagi meneruskan kehidupan.
2. Baki RM4,000 didarab dengan 35% menjadi RM1,400 untuk pelaburan risiko rendah seperti emas, ASB, unit amanah saham risiko rendah dan sebagainya. Pulangannya sedikit tetapi risiko kerugian amat sedikit.
3. Baki lagi 65% iaitu RM2,600, boleh digunakan untuk membina bisnes seperti menceburi bidang perusahaan cendawan ini.

Ringkasan kiraan di atas ini saya simpulkan dari beberapa sifu kewangan di Malaysia. Ia penting kerana kerap kali saya dapati para peserta baru meletakkan 100% modal mereka ke dalam bisnes cendawan dan akhirnya mereka sendiri sedikit demi sedikit mencuri duit dari modal ini sehinggakan mereka sendiri tidak dapat melaksanakan perancangan sepertimana rancangan perniagaan yang dibuat di awal permulaan bisnes ini. Hasilnya mereka gagal.

Jangan risau modal anda sedikit sahaja untuk memulakan. Ada caranya. Saya bermula dari modal RM250 sahaja. Akan ambil masa, tapi risiko anda rendah dan anda boleh bina bisnes ini sedikit demi sedikit secara part time. Saya yakin anda juga boleh berjaya.

BERAPA MASA YANG ANDA AKAN LUANGKAN?

Sebagai konteks, kerap kali dicadangkan sekiranya anda ingin terus mencipta pendapatan penanaman cendawan tapi ingin hanya menjalankannya seorang diri, maksima bongkah yang anda boleh jaga secara praktikal seorang diri sepenuh masa adalah sebanyak 5,000 bongkah.

Kiraan di atas adalah dengan syarat anda benar-benar berkemahiran dan pantas membuat kerja. Ini kerana cendawan tidak akan kekal segar sepanjang hari. Sebagai contoh, cendawan yang sedia untuk dituai pada pukul 8 pagi akan menjadi lecuth atau kering kekuningan sekiranya terlalu lewat dituai (sebagai contoh pada 12 tengahari). Ini menjadikan cendawan itu reject dan tidak boleh dijual sebagai produk segar.

Di bawah adalah senarai rutin harian bagi seorang penanam cendawan segar. Kerja harian ini termasuk dari menguruskan tanaman hinggalah ke jualan.

1. Petang ke malam: Menyemak oder untuk esok hari
2. Mulai 6.00 pagi:
 - a. Menyemak keadaan rumah cendawan sekilas lalu
 - b. Mengutip cendawan
 - c. Mengorek leher bongkah sekiranya perlu
 - d. Memotong akar sebelum ditimbang
 - e. Membungkus cendawan segar mengikut permintaan
3. 8.00 pagi: Menghantar cendawan ke pasar
4. Rehat

5. Mulai 4.00 petang:
 - a. Menyemak keadaan rumah cendawan sekilas lalu
 - b. Mengutip cendawan
 - c. Mengorek leher bongkah sekiranya perlu
 - d. Memotong akar sebelum ditimbang
 - e. Membungkus cendawan segar mengikut permintaan
6. 6.00 petang: Menghantar cendawan ke restoran masakan panas / tomyam

Contoh di atas adalah apa yang cadangkan sebagai contoh Standard Operating Procedure (SOP) harian perusahaan bisnes cendawan.

Jadi persoalannya di sini adalah berapa banyak yang sanggup anda luangkan untuk perusahaan ini. Ada tiga pilihan buat anda:

1. **Part time:** Bina rak dan ruang kecil di bahagian dapur rumah. Susunkan bongkah. Mula kutip cendawan dan pek sebelum anda ke pejabat. Kutip hasil hanya sekali sehari. Jualkan di pejabat atau mana-mana berdekatan. Dicapangkan waktu kerja antara 1-2 jam sehari.
2. **Full time:** Seperti jadual kerja di atas sebentar tadi. Perlu ada ruang indoor atau outdoor minima 10 kaki persegi dan anda perlu tempah atau bina sendiri ruang / rumah kecil ini. Pendapatan boleh meraih sehingga RM100 sehari mengikut jumlah bongkah anda. Dicapangkan waktu kerja antara 4-8 jam sehari.
3. **Partnership / Upah Pekerja:** Cara ini jarang digunakan. Ini kerana kebiasaannya cara ini memerlukan modal permulaan yang agak tinggi. Tetapi anda hanya perlu menjadi tokei sahaja. Saya cadangkan anda hanya pertimbangkan ini sekiranya:
 - a. Partner anda mahir dalam bidang ini

- b. Anda sendiri mahir dan sudah berjaya menetapkan SOP rutin harian kerja. Jadi para pekerja hanya perlu mengikut jadual ini dan ianya akan menjadikan bisnes anda sangat konsisten.

Setiap pilihan di atas ini tiada salah dan betul. Saya bermula dari part time ke full time dan seterusnya partnership. Bagi yang bermodal kecil, jadi anda perlu laburkan lebih masa ye. Jangan risau bisnes ini tidaklah terlalu kompleks untuk dimulakan.

BERAPA BESARKAH RUANG YANG ANDA ADA?

Baiklah, seterusnya selepas modal dan masa, kita harus pertimbangkan juga ruang yang anda ada. Ruangan untuk menghasilkan cendawan ini mestilah memenuhi kriteria dari cendawan ini sendiri.

Apa yang cendawan tiram kelabu (*Pleurotus Sajur-Caju*) ini perlukan adalah:

- Suhu di antara 28 - 30°C
- Kelembapan antara 80 – 90%
- Aliran udara yang mencukupi
- Sedikit gelap

Jadi berdasarkan kriteria di atas ini, anda dapat mengagak di mana tempat paling sesuai yang anda ada. Di bawah ini adalah apa yang para peserta sebelum ini pilih sebagai tapak penanaman cendawan mereka:

- Indoor
 - Bahagian dapur
 - Bilik kosong yang tidak digunakan
 - Rumah kayu yang ditinggalkan
- Outdoor
 - Khemah kanopi kenduri kahwen
 - Di kawasan bawah pokok-pokok tinggi
 - Di kawasan tanah tinggi seperti Cameron Highland

Antara tempat yang perlu dielakkan pula termasuklah:

1. Tempat yang terlalu kering iaitu **kelembapan bawah 80%**.
2. Tempat yang **terlalu panas iaitu di atas 30°C**.
3. Tempat yang **banyak longgokan sisa organik**. Ia akan menarik hama yang boleh memakan akar cendawan (miselium) sebelum ia mula berhasil. Antaranya adalah tempat yang berdekatan reban ayam kerana tahi ayam itu adalah sisa organik yang menjadi makanan hama.
4. Tempat yang **aliran angin / udara terlalu kuat** seperti di pantai. Sekiranya terlalu kuat aliran udara, kelembapan tidak dapat kekal lama. Ia menjadikan rumah cendawan anda terlalu kering.

Perkara (1) dan (2) boleh diukur menggunakan thermometer seperti di bawah ini:



Thermometer digital yang digunakan di dalam rumah cendawan bagi mengukur suhu dan kelembapan, samada ia sesuai untuk cendawan ataupun tidak.

Thermometer di atas ini boleh didapati di Shopee dengan harga di bawah RM20 beserta pos. Nilai yang kecil tapi amat berguna bagi mengenalpasti samada tempat dan cara binaan rumah cendawan kita sesuai atau tidak.

Sebaik mungkin kita akan memilih tempat yang memenuhi syarat suhu di bawah 30°C dan kelembapan melebihi 80%. Jika anda menemui tempat sebegini, ianya sangatlah bagus bagi anda kerana tempat yang dipilih ini sedia ada ideal.

Tetapi sekiranya ia tidak memenuhi syarat-syarat ini, terutamanya ketika tengahari (matahari paling panas ketika ini), masih ada cara untuk anda usahakan untuk merendahkan suhu dan menambahkan kelembapan. Sesetengah pengusaha menggunakan teknik di bawah ini bagi mencapai keadaan yang terbaik pada setiap masa dan musim. Susunan teknik adalah dari paling mudah ke paling sukar:

1. Mencurah sendiri air secara manual ke bahagian belakang bongkah sebanyak 2 ke 3 kali sehari di hari panas. Memenatkan, tetapi sedikit sebanyak membantu.
2. Melitup kawasan rak cendawan dengan netting hitam pertanian. Boleh juga buat 2 lapisan untuk menapis sinaran matahari.
3. Membuat takungan air di lantai. Dengan adanya air di bawah, lantai menjadi sejuk dan seterusnya semua wap panas akan ditolak terus ke atas. Ini hanya boleh dilakukan sekiranya lantai diperbuat dari simen.
4. Memasang pam air beserta timer dan dipasang bersama piping yang merembeskan mist air lembut. Setiap sprinkler ini kebiasaannya diletakkan berdekatan dengan bongkah. Teknik ini agak kompleks dan berkos tinggi.

5. Memasang radiator humidifier beserta exhaust fan. Cara ini paling professional kerana cendawan tidak basah dan suhu sekata.

Oleh sebab yang demikian, adalah lebih utama untuk memilih tempat yang lebih sesuai dari tempat yang lebih senang atau luas. Jika anda memilih untuk mula di rumah, saya cadangkan gunakan:

- Bagi rumah apartment: Ruang berandah / ruang mesin basuh
- Bagi rumah taman berlamam: Bahagian belakang rumah / dapur
- Bagi tanah lapang: Ruang yang redup

Tidak kompleks sebenarnya bagi permulaan. Sekiranya anda berkemahiran untuk buat sendiri (DIY), kos sangatlah rendah.

Saya bermula dengan hanya menggunakan rak kasut 10 tingkat yang saya beli dengan harga RM50, cukup memuatkan 50 bongkah. Saya ikat dengan tali bagi mengukuhkannya. Sangat mudah dan berbaloi buat permulaan.

LAKUKAN SENDIRI ATAU GAJIKAN PEKERJA?

Soalan ini pula berdasarkan berapa besarnya projek bisnes cendawan yang anda rancangkan. Skala besar memang mewajibkan anda mengupah pekerja. Tapi sekiranya anda cukup cergas dan mahir, anda boleh lakukan sepenuh masa seorang diri sehingga maksima 5,000 bongkah.

Sekiranya projek anda termasuk dengan pembuatan bongkah sendiri, di skala kecil mungkin 200 bongkah seminggu anda mampu buat sendiri. Ini kerana anda masih lagi perlu menguruskan bongkah sedia. Pengalaman membuat bongkah adalah mengambil masa. Pengalaman kegagalan akan anda tempuh untuk beberapa kali terawal sebelum berjaya. Tetapi selepas anda berjaya, anda akan mendapat kos satu bongkah dengan harga terendah.

Bagi skala besar yang lengkap dengan mesin automatik atau separa automatik, berkemungkinan besar anda memerlukan ramai pekerja. Ini kerana mesin ini agak laju dan tidak boleh dijalankan dengan tenaga kerja yang kurang. Sekiranya ini yang anda inginkan, anda harus merancang siap kedudukan mesin, kedudukan pekerja dan pergerakan bahan dengan tepat sebelum memulakan projek. Konsultan mesin boleh membantu anda bagi proses ini.

Jadi persoalan samada buat sendiri atau menggajikan pekerja kebiasaannya mudah anda jawab kerana ia sangatlah straight forward.

BAB 3:

UNJURAN KEWANGAN

- *Kategori Anda*
- *Unjuran Skala Permulaan*
- *Unjuran Skala Pendapatan*
- *Unjuran Skala Bisnes*



UNJURAN KEWANGAN TAHUNAN ANDA

Ini adalah bab utama misi ebook ini. Diharapkan bab ini cukup jelas untuk anda fahami peluang anda sebelum menceburi bidang ini. Anda akan fahami anggaran modal yang anda perlukan dan juga potensi keuntungan yang anda boleh harapkan.

Segala angka yang diterangkan ini bukanlah tetap tetapi hanyalah anggaran. Anda mungkin boleh mencapai lebih dari anggaran ini sekiranya:

- **Berjaya capai suhu dan kelembapan terbaik dan konsisten** sepanjang musim. Ini boleh dicapai sekiranya lokasi yang dipilih sedia ada sesuai, atau dengan penggunaan peralatan humidifier bersama alat kawalannya. Oleh sebab ini, pemilihan lokasi adalah lebih utama.
- Anda **mahir menjaga bongkah daripada segala perosak dan penyakit**. Bongkah yang diganggu perosak atau terlibat kontaminasi dari spesis cendawan lain boleh mengakibatkan hasil yang berkurang berbanding bongkah yang betul-betul sihat. Sesetengah bongkah yang teruk dijangkiti berkemungkinan perlu dibuang sebelum berakhir musim bagi mengelakkan ia berjangkit pada bongkah sihat yang lain.

- **Bongkah yang anda hasilkan / beli lebih berkualiti dari kebiasaan** prestasi bongkah industri. Seperti mana ramainya chef, tetapi tak semua berbakat, ia sama juga seperti pembuat bongkah. Pastikan anda dapatkan bongkah (sekiranya anda membeli) dengan pembuat bongkah yang berpengalaman untuk mengelak dari mendapat bongkah berkualiti rendah.

Selain dari itu, anda juga berkemungkinan mendapat keputusan lebih rendah dari angka kebiasaan industri ini sekiranya anda lemah di dalam 3 kriteria seperti disebutkan di atas tadi. Jadi kesimpulannya, terdapat 3 faktor utama kejayaan / kegagalan di dalam bidang ini iaitu:

- 1. Keadaan rumah cendawan yang optima**
- 2. Kemahiran pengendali dalam rutin harian perusahaan cendawan**
- 3. Kualiti bongkah yang digunakan**

Menurut statistik dalam industri ini. Berikut adalah standard prestasi hasil berat tuaian semusim bagi setiap bongkah yang boleh kita gunapakai untuk menetapkan KPI kita setelah kita bermula nanti:

1. Perusahaan hobi (maksima 100 bongkah): 200g/bongkah
2. Perusahaan permulaan (maksima 5,000 bongkah): 180g/bongkah
3. Perusahaan komersil (lebih 50,000 bongkah): 100g/bongkah

Nilai gram per bongkah di atas ini bermaksud berapa berat maksimum tuaian yang boleh kita peroleh secara purata dari semua bongkah yang kita usahakan itu. Ia adalah kumulatif dari tuaian pertama sehinggalah tiada lagi cendawan yang keluar (bongkah mati, kebiasaannya setelah 3-8 kali tuai). Nilai ini adalah nilai purata, dengan maksud bahawa ada bongkah akan mengeluarkan lebih hasil, ada bongkah yang

mengeluarkan lebih sedikit hasil dan ada bongkah yang rosak begitu sahaja.

Pengiraan di atas ini penting kerana anda akan mengira berapa modal yang diperlukan untuk mendapatkan sebilangan bongkah untuk mendapatkan sejumlah hasil tuaian seperti yang dirancangkan. Untuk durasi buku ini, kita hanya akan membincangkan kos bagi pembelian bongkah dan bukan pembuatan sendiri bongkah.

KATEGORI ANDA

Berdasarkan apa yang anda pilih mengikut kesesuaian anda di Bab 2, anda mungkin termasuk di dalam salah satu fasa di bawah ini. Sasaran anda mungkin salah satu di antara Fasa 2, Fasa 3 atau Fasa 4. Setiap satunya boleh merangkumi jumlah bongkah yang sedikit ataupun banyak.

- 1. FASA 1: Cubaan dan dalam proses belajar**
- 2. FASA 2: Rumah cendawan bina sendiri (DIY) dan belian bongkah**
- 3. FASA 3: Rumah cendawan baru ideal dan belian bongkah**
- 4. FASA 4: Rumah cendawan baru dan pembuatan sendiri bongkah**

	FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4
Kemampuan Anda	Cuba	Rumah DIY	Rumah Baru & Beli Bongkah	Buat Bongkah Sendiri
Modal	Minima RM100	Minima RM300	Minima RM5,000 / Dana Bantuan	Minima RM5,000 / Dana Bantuan
Masa	1 jam sehari	2 jam sehari	6 jam sehari	8 jam sehari
Ruang	4 kaki persegi	10 kaki persegi	40 kaki persegi	40 kaki persegi
Pekerja	Sendiri	Sendiri	Sendiri / Pekerja	Sendiri / Pekerja

Setiap peserta yang baru menceburi bidang ini perlu bermula di Fasa 1 bagi memastikan anda merasai musim pertama sendiri sebelum terus meletakkan modal atau terus terjun sepenuh masa. Pengalaman seperti di bawah ini perlu anda rasai sendiri untuk anda boleh menilai samada bidang ini sesuai atau tidak dengan anda.

- Semua SOP harian yang perlu dijalankan termasuklah pembersihan, mengutip hasil, mengorek akar dari bongkah, membungkus, dan menjual.
- Penyelidikan dan percubaan jualan cendawan segar di kawasan anda. Adakah ada permintaan? Adakah anda mampu membekal?
- Adakah sebarang ancaman penyakit / perosak yang kritikal? Sekiranya ia kecil, kemungkinan besar anda mampu menguruskannya. Sekiranya ia ancaman besar, mungkin kawasan perlu diubah.

Setakat pembacaan anda setakat ini, anda sudah perlu untuk memilih mana satu fasa yang anda ingin ceburi selepas ini. Pertimbangkan ketiga-tiga kriteria yang diterangkan dalam bab 2 dan buat keputusan.

Baik sekiranya anda telah buat keputusan, kita seterusnya terus boleh terjun untuk melihat potensi perniagaan ini yang mampu anda capai. Setiap fasa akan dibincangkan potensinya dari segi tahap kemahiran dan potensi lokasi yang anda pilih. Ada 3 tahap yang mampu anda capai. Dicadangkan anda mencapai sekurang-kurang tahap kedua iaitu purata 180g cendawan segar bagi setiap bongkah.

- 1. Prestasi Pengeluaran Minima: Purata 140g / bongkah**
- 2. Prestasi Pengeluaran Sasaran: Purata 180g / bongkah**
- 3. Prestasi Pengeluaran Maksima: Purata 200g / bongkah**

Setiap fasa boleh diukur prestasinya dengan tahap prestasi di atas ini. Sungguhpun anda di Fasa 4, tetapi jika prestasi pengeluaran cendawan segar anda rendah, anda masih ada risiko untuk rugi. Dan begitu juga sekiranya anda baru di Fasa 2, tapi anda mencapai 200 g / bongkah, anda berpotensi untung.

Berikut anda format yang kita akan gunakan untuk mudah anda kira dan nilaikan potensi untung rugi perusahaan cendawan anda mengikut kemampuan anda.

ANGGARAN KIRAAN UNJURAN KEWANGAN PERUSAHAAN CENDAWAN TIRAM KELABU	FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4
			Rumah Baru & Beli Bongkah	Buat Bongkah Sendiri
	Cuba	Rumah DIY		

Est. Bongkah				
Kos (RM/bongkah)				
Kos (RM/musim)				

Borong	Sale (RM/kg)				
	Sale (RM/bongkah)				
	Sale (RM/musim)				
	Untung (RM/musim)				

Runcit	Sale (RM/kg)				
	Sale (RM/bongkah)				
	Sale (RM/musim)				
	Untung (RM/musim)				

*Bagi anggaran minima g/bongkah semusim

*Anggaran semusim adalah 3-6 bulan bergantung kepada strategi

Berikut adalah cara anda memahami format di atas ini:

- Di atas adalah 4 fasa yang anda pilih mengikut kemampuan anda
- Baris kedua adalah anggaran berapa kos anda semusim
- Baris ketiga adalah potensi keuntungan anda sekiranya anda membuat keputusan untuk menjual secara borong. Borong bermaksud jualan secara pukal iaitu mungkin kepada hanya satu pemborong, tetapi pada jumlah pukal (jumlah belian besar setiap kali). Keuntungan rendah tetapi jualan bernilai besar.

- Baris keempat pula adalah potensi keuntungan sekiranya anda menjual sendiri secara runcit terus kepada pelanggan. Keuntungan tinggi tetapi jualan bernilai lebih kecil.
- Bahagian paling bawah adalah anggaran tahap prestasi pengeluaran anda samada 140g, 180g atau 200g per bongkah. Anggap sahaja ini sebagai unjuran pengeluaran minima, sasaran dan juga maksima anda.

UNJURAN PENGELUARAN MINIMA (140G / BONGKAH)

Prestasi di tahap ini hanyalah dimaafkan sekiranya anda menjalankan bisnis cendawan di skala besar. Skala sesuatu rumah cendawan kebiasaannya diukur melalui berapa jumlah bongkah yang di tempatkan di dalamnya. Skala besar kebiasaannya mempunyai kos per bongkah yang kecil oleh kerana penghasilan bongkah sendiri dengan mesin yang mencukupi.

Sekiranya anda mengusahakan jumlah bongkah di bawah 10,000 bongkah, anda tidak boleh berada di tahap ini. Kenapa saya kata begitu? Cuba rujuk jadual di bawah ini.

Perhatikan petanda warna-warna di bawah ini dan cuba fahamkan:

- Merah: Bermaksud kos atau kerugian
- Hijau: Bermaksud duit masuk
- Emas: Bermaksud keuntungan

ANGGARAN KIRAAN UNJURAN KEWANGAN PERUSAHAAN CENDAWAN TIRAM KELABU	FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4
			Rumah Baru & Beli Bongkah	Buat Bongkah Sendiri
	Cuba	Rumah DIY		

Est. Bongkah	5	1,000	5,000	8,000
Kos (RM/bongkah)	2.00	1.80	1.80	1.00
Kos (RM/musim)	10.00	1,800.00	9,000.00	8,000.00

Borong	Sale (RM/kg)	10.00	10.00	10.00	10.00
	Sale (RM/bongkah)	1.40	1.40	1.40	1.40
	Sale (RM/musim)	7.00	1,400.00	7,000.00	11,200.00
	Untung (RM/musim)	-3.00	-400.00	-2,000.00	3,200.00

Runcit	Sale (RM/kg)	16.00	16.00	16.00	16.00
	Sale (RM/bongkah)	2.24	2.24	2.24	2.24
	Sale (RM/musim)	11.20	2,240.00	11,200.00	17,920.00
	Untung (RM/musim)	1.20	440.00	2,200.00	9,920.00

*Bagi anggaran minima **140** g/bongkah semusim

*Anggaran semusim adalah 3-6 bulan bergantung kepada strategi

Pada pengeluaran 140g per bongkah, hasil yang dikeluarkan setiap bongkah adalah minima. Seperti anda sedia ada faham, semakin banyak hasil, semakin besar potensi jualan. Jadi sekiranya anda masih lagi kecil-kecilan dan hanya mencapai tahap pengeluaran ini, berkemungkinan besar anda sudah rugi.

Setiap fasa mempunyai kos per bongkah yang berbeza bermula dengan RM1 hinggalah RM2. Disebabkan inilah keuntungan dan kerugian bagi fasa berbeza adalah berlainan. Semakin mahal kos per bongkah, semakin tinggi sasaran pengeluaran perlu anda capai untuk mencapai keuntungan.

Berdasarkan jadual di atas, pengeluaran pada kadar 140g per bongkah hanyalah berbaloi sekiranya anda:

1. Sekiranya anda menjual borong pada harga RM10/kg:
 - a. Semua fasa gagal mencipta untung kecuali Fasa 4
2. Sekiranya anda menjual runcit pada harga RM16/kg:
 - a. Semua fasa adalah selamat dan boleh menghasilkan untung

Pengeluaran seminima ini hanyalah masuk akal (sebagai bisnes) sekiranya anda menjalankannya pada skala besar (jumlah bongkah melebihi 10,000 bongkah. Pada skala ini, jumlah keuntungan boleh dikesilkan dengan syarat jualan bernilai besar. Sekiranya anda baru bermula, anda tidak sepatutnya berada di sini kerana risiko untuk rugi sangatlah tinggi.

Unjuran bagi keuntungan tahunan bagi tahap ini, sekiranya anda menjalankan 3 musim setahun (setiap 4 bulan adalah 1 musim), anda boleh mendapat keuntungan / kerugian seperti di bawah:

1. Jualan Borong RM10/kg:
 - a. Fasa 1: **Rugi -RM9**
 - b. Fasa 2: **Rugi -RM1,200**
 - c. Fasa 3: **Rugi -RM6,000**
 - d. Fasa 4: **Untung +RM9,600**

2. Jualan Runcit RM16/kg:

- a. Fasa 1: **Untung +RM3.60**
- b. Fasa 2: **Untung +RM1,320**
- c. Fasa 3: **Untung +RM6,600**
- d. Fasa 4: **Untung +RM29,760**

UNJURAN PENGELUARAN SASARAN (180G / BONGKAH)

Ini adalah tahap yang saya syorkan semua peserta kursus cendawan tetapkan sebagai sasaran. Sekiranya anda Berjaya capai semua keadaan optimum cendawan di dalam rumah cendawan anda (rujuk Bab 2), sasaran ini boleh anda capai dengan konsisten. Pada lokasi yang kurang bersesuaian, anda mungkin perlu mengeluarkan lebih kos untuk mencapai keadaan optimum ini.

Antara sebab saya syorkan anda mesti mencapai tahap ini adalah kerana:

1. Kemungkinan balik modal adalah lebih baik dari sasaran minima di atas
2. Keuntungan sekiranya menjual secara runcit berganda dari sasaran minima

ANGGARAN KIRAAN UNJURAN KEWANGAN PERUSAHAAN CENDAWAN TIRAM KELABU	FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4
	Cuba	Rumah DIY	Rumah Baru & Beli Bongkah	Buat Bongkah Sendiri

Est. Bongkah	5	1,000	5,000	8,000
Kos (RM/bongkah)	2.00	1.80	1.80	1.00
Kos (RM/musim)	10.00	1,800.00	9,000.00	8,000.00

Borong	Sale (RM/kg)	10.00	10.00	10.00	10.00
	Sale (RM/bongkah)	1.80	1.80	1.80	1.80
	Sale (RM/musim)	9.00	1,800.00	9,000.00	14,400.00
	Untung (RM/musim)	-1.00	0.00	0.00	6,400.00

Runcit	Sale (RM/kg)	16.00	16.00	16.00	16.00
	Sale (RM/bongkah)	2.88	2.88	2.88	2.88
	Sale (RM/musim)	14.40	2,880.00	14,400.00	23,040.00
	Untung (RM/musim)	4.40	1,080.00	5,400.00	15,040.00

*Bagi anggaran minima **180** g/bongkah semusim

*Anggaran semusim adalah 3-6 bulan bergantung kepada strategi

Jika dibandingkan dengan unjuran pengeluaran minima, kali ini, dengan pertambahan 30% hasil segar dari unjuran minima, anda sudah mempunyai ruang bernafas yang lebih selesa. Jualan borong masih lagi sedikit sesak untuk membuat untung. Jadi saya masih mencadangkan anda menjual secara runcit.

Potensi keuntungan bagi setahun (3 musim setahun) yang boleh dicapai adalah:

1. Jualan Borong RM10/kg:
 - a. Fasa 1: **Rugi -RM3**
 - b. Fasa 2: **Balik modal sahaja**
 - c. Fasa 3: **Balik modal sahaja**
 - d. Fasa 4: **Untung +RM19,200**
2. Jualan Runcit RM16/kg:
 - a. Fasa 1: **Untung +RM13.20**
 - b. Fasa 2: **Untung +RM1,320**
 - c. Fasa 3: **Untung +RM16,200**
 - d. Fasa 4: **Untung +RM45,120**

Seperti anda dapat lihat di atas, sasaran ini membolehkan anda sekurang-kurangnya tidak rugi. Tetapi adalah tidak lojik kita menceburi perniagaan semata-mata untuk balik modal kan? Jadi saya syorkan anda mula menjual secara runcit sendiri pada pasaran yang termampu anda untuk memastikan anda untung.

UNJURAN PENGELUARAN MAKSIMA (200G / BONGKAH)

Unjuran pengeluaran maksima ini kebiasaannya dicapai oleh pengusaha yang mahir atau pengusaha yang mempunyai rumah cendawan yang optimum pada majoriti tempoh sepanjang musim. Ini tidak bermaksud pengusaha baru tidak dapat mencapai tahap ini. Malahan mungkin sebaliknya.

Ini kerana, kajian oleh Persatuan Penyelidik dan Pengusaha Cendawan Malaysia membuktikan yang semakin banyak bongkah yang diuruskan, semakin rendah purata pengeluaran cendawan segar. Inilah sebab mengapa ramai pengusaha kecil-kecilan dan menghasilkan cendawan yang besar-besar secara konsisten. Ingat. Tiada masalah sekiranya kita bersaiz kecil, yang penting dalam perniagaan ini, kita untung.

ANGGARAN KIRAAN UNJURAN KEWANGAN PERUSAHAAN CENDAWAN TIRAM KELABU	FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4
			Rumah Baru & Beli Bongkah	Buat Bongkah Sendiri
	Cuba	DIY		

Est. Bongkah	5	1,000	5,000	8,000
Kos (RM/bongkah)	2.00	1.80	1.80	1.00
Kos (RM/musim)	10.00	1,800.00	9,000.00	8,000.00

Borong	Sale (RM/kg)	10.00	10.00	10.00	10.00
	Sale (RM/bongkah)	2.00	2.00	2.00	2.00
	Sale (RM/musim)	10.00	2,000.00	10,000.00	16,000.00
	Untung (RM/musim)	0.00	200.00	1,000.00	8,000.00

Runcit	Sale (RM/kg)	16.00	16.00	16.00	16.00
	Sale (RM/bongkah)	3.20	3.20	3.20	3.20
	Sale (RM/musim)	16.00	3,200.00	16,000.00	25,600.00
	Untung (RM/musim)	6.00	1,400.00	7,000.00	17,600.00

*Bagi anggaran minima **200** g/bongkah semusim

*Anggaran semusim adalah 3-6 bulan bergantung kepada strategi

Jadual di atas ini sangat bagus. Sungguhpun anda jual borong di Fasa 1, anda masih lagi balik modal. Sekali lagi saya tidak syorkan anda menjual secara borong kerana ia boleh mengurangkan keuntungan yang boleh dicapai. Tetapi sekiranya perlu, sebagai contoh anda hanyalah bekerja dalam perusahaan ini secara part time, Fasa 3 dan Fasa 4 agak menguntungkan bagi anda.

Ini adalah apa yang kita inginkan. Kita perlulah menyediakan rumah cendawan optimum dan tingkatkan kemahiran mengurus bongkah kita supaya kita mencapai tahap ini. Potensinya sangat besar kan?

Jom lihat angka tahunan pula (3 musim setahun):

1. Jualan Borong RM10/kg:
 - a. Fasa 1: **Balik modal sahaja**
 - b. Fasa 2: **Untung +RM600**
 - c. Fasa 3: **Untung +RM3,000**
 - d. Fasa 4: **Untung +RM24,000**
2. Jualan Runcit RM16/kg:
 - a. Fasa 1: **Untung +RM18**
 - b. Fasa 2: **Untung +RM4,200**
 - c. Fasa 3: **Untung +RM21,000**
 - d. Fasa 4: **Untung +RM52,800**

Bayangkan anda di Fasa 3 (ada rumah cendawan yang baik dan beli bongkah) sahaja, anda dah boleh capai RM3,000 bonus (keuntungan) tahunan jika anda jual secara borong pun. Jadi part time pun agak lumayan.

KESIMPULAN ANGGARAN KEUNTUNGAN

Antara sebab mengapa kami menerbitkan buku ini adalah bagi mengelakkan anda semua tertipu dengan scammer. Antara ayat yang selalu disebutkan scammer adalah:

- Balik modal dalam 2 bulan sahaja
- Selepas setahun dah mampu bina sendiri rumah cendawan
- Mula saja apa yang termampu, kemudian kerajaan akan beri geran percuma

Saya harap anda tidak tertipu dengan janji-janji manis ini. Saya mohon anda ukur baju di badan sendiri, nilaikan risiko yang anda berani ambil dan sasarkan keuntungan yang anda mahu capai tanpa anda hilang kawalan. Kecil tidak mengapa asalkan untungkan?

Jadual-jadual di atas menunjukkan apa yang boleh anda capai dalam satu musim. Musim boleh jadi antara 3 ke 6 bulan. Kami pernah mencuba sehingga lebih lama dari itu, tetapi ianya tidaklah menguntungkan kerana lebih lama kebiasaannya sangat sikit pengeluaran, tak berbaloi untuk anda isi rumah cendawan anda jika pengeluaran bulanan sangat kerdil.

Manakala angka yang dirumuskan diujung setiap topik unjuran di atas ini pula menerangkan potensi keuntungan sekiranya 3 musim dijalankan setahun. 3 musim bermaksud anda akan 3 kali menggantikan bongkah yang anda ada. Jualan yang dibuat bukanlah terus menjadi untung, anda perlu menabung sehingga mencukupi untuk samada beli semula bongkah atau beli bahan-bahan untuk buat semula bongkah baru.

Ada sebilangan peserta yang gagal adalah mereka yang tiada pengalaman berniaga. Mereka terus menganggap segala jualan adalah

gaji mereka. Itu salah. Sekiranya anda tiada disiplin ini, agak sukar bagi anda untuk Berjaya. Ingat. Kumpul modal dahulu, sebelum perbelanjaan lain-lain.

Kesimpulan dari kiraan dan unjuran kewangan ini adalah:

1. Ukur baju di badan sendiri. Sekiranya modal kecil, mulakan secara kecil. Sekiranya modal besar, pastikan anda mampu mengawal perusahaan anda. Dah buat kira-kira, baru terjun ke bidang ini.
2. Potensi keuntungan yang dikira di atas ini adalah bagi tempoh semusim (di dalam jadual) dan setahun (di akhir subtopik). Keuntungan ini sudah ditolak dengan kos penukaran bongkah baru setiap fasa ini. Adalah bagus sekiranya keuntungan ini dilabur semula pada perusahaan anda samada:
 - a. Menambahkan lagi bilangan bongkah
 - b. Menambah baik keadaan rumah cendawan
 - c. Mengupah pekerja
 - d. Menjadi modal pembuatan produk hiliran pula
3. Bagaimana nak ukur kejayaan anda? Senang saja. Anda berjaya capai sasaran yang anda inginkan, untung dan rutin harian menjadi semakin mudah. Tahun-tahun seterusnya akan menjadi lebih berjaya untuk anda.

BERMINAT? INI LANGKAH PERMULAAN ANDA

Anda patut akhiri pembacaan ebook ini dengan anda telah:

1. Tahu jumlah modal, masa dan ruang yang anda boleh gunakan untuk perniagaan ini
2. Membuat keputusan fasa mana yang anda ingin ceburi sesuai dengan modal, masa dan ruang anda. Samada salah satu dari fasa di bawah:
 - a. **FASA 1: Cubaan dan dalam proses belajar**
 - b. **FASA 2: Rumah cendawan bina sendiri (DIY) dan belian bongkah**
 - c. **FASA 3: Rumah cendawan baru ideal dan belian bongkah**
 - d. **FASA 4: Rumah cendawan baru dan pembuatan sendiri bongkah**

	FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4
Kemampuan Anda	Cuba	Rumah DIY	Rumah Baru & Beli Bongkah	Buat Bongkah Sendiri
Modal	Minima RM100	Minima RM300	Minima RM5,000 / Dana Bantuan	Minima RM5,000 / Dana Bantuan
Masa	1 jam sehari	2 jam sehari	6 jam sehari	8 jam sehari
Ruang	4 kaki persegi	10 kaki persegi	40 kaki persegi	40 kaki persegi
Pekerja	Sendiri	Sendiri	Sendiri / Pekerja	Sendiri / Pekerja
Potensi Keuntungan Setahun (3 Musim) * setelah ditolak kos bongkah				
Unjuran Minima	-RM9	-RM1,200	-RM6,000	+RM12,600
Unjuran Sasaran	+RM13.20	+RM1,320	+RM16,200	+RM45,120
Unjuran Maksima	+RM18	+RM4,200	+RM21,000	+RM52,800

3. Buat keputusan samada anda ingin rebut peluang ini sekarang. Jika ya, anda boleh terus sertai kursus asas perusahaan cendawan tiram kelabu dengan klik sahaja butang pada muka surat selepas ini. Jika masih ragu-ragu, anda boleh saja join dahulu grup Whatsapp cendawan untuk mengenali selok belok bisnes ini lagi.

Kami doakan anda berjaya :)

Anas Azmi
CoolLat.com

MULA DENGAN MENYERTAI KURSUS



JOIN KOMUNITI ONLINE



MULA SECARA KECIL SELAMA SEMUSIM

